

*Buletin Jabatan*  
**Pendaftaran**  
U n i v e r s i t i   T e k n o l o g i   M A R A

Januari - Disember 2024



**TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN  
PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)**



## Sesi Perkongsian Rohani **Kompetensi Dalam Tugasan**



**K**elab Staf Pejabat Pendaftar – 9 Februari 2024 telah menganjurkan satu sesi perkongsian Rohani. Perkongsian ini disampaikan oleh Saudara Syamsul Debat yang diadakan di Dewan Al Ghazali. Perkongsian ini bertujuan untuk memberikan panduan dan motivasi kepada staf dalam menghadapi tugas dan cabaran kehidupan seharian, serta memastikan staf melaksanakan tugas dengan penuh kompetensi. Kompetensi dalam tugas bukan hanya melibatkan kemahiran teknikal, tetapi juga kebolehan untuk menguruskan masa, berkomunikasi dengan baik, serta menjaga integriti dan kecekapan dalam setiap tindakan.

Kompetensi dalam tugas adalah gabungan antara ilmu, kemahiran, keikhlasan, dan sikap yang positif. Melalui niat yang betul dan amalan yang berlandaskan ajaran Islam, staf dapat mencapai kejayaan dalam tugas yang diberikan dan mendapat keredhaan Allah. Semoga semua sentiasa diberikan kekuatan untuk melaksanakan tugas dengan penuh kompetensi, serta terus berusaha untuk meningkatkan diri dalam segala aspek kehidupan. Majlis diakhiri dengan sesi fotografi antara Saudara Syamsul dan semua Staf yang hadir.



Jabatan Pendaftar  
Aras 3, Canselor Tuanku Syed Sirajuddin,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor



اوسما.قوى.مطيا

Januari - Disember 2024

